




AGENDA ISLAM

Dalam Transformasi Negara

NAJIB TUN RAZAK



NAJIB TUN RAZAK



AGENDA ISLAM

Dalam Transformasi Negara



**PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA**

AGENDA ISLAM

DALAM TRANSFORMASI NEGARA

NAJIB TUN RAZAK

PUSTAKA PERDANA



1009643

2012



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

© Sekretariat Ulama~Umara (UMUM), 2012

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan, mengulang mana-mana bahagian teks, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain kecuali dengan keizinan bertulis daripada **Sekretariat Ulama~Umara (UMUM)**.

Diterbit oleh:



Sekretariat Ulama~Umara (UMUM)

d/a Pejabat Dato' Haji Jailani Bin Ngah

Setiausaha Politik YAB Perdana Menteri

Pejabat Perdana Menteri,

Aras 3, Blok Barat, Bangunan Perdana Putra,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62502 Putrajaya

Tel: 03-8888 4516 Faks: 03-8888 0346

www.umum.com.my

Dengan kerjasama:

Yayasan 1Ummah

Dicetak di Malaysia oleh:

RIMBUNAN ILMU SDN. BHD. 676602-W

No.92-G, 92-1 & 92-2, Blok 2,

WISMA SALLEH SAIDIN, Jalan Dwi Tasik, Dataran Dwi Tasik,
Bandar Sri Permaisuri, Cheras, 56000 Kuala Lumpur.



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PRAKATA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Segala pujian bagi Allah subhanahu wataala yang memiliki dan menguasai segala yang berada di langit dan di bumi dan baginya jua segala puji bagi akhirat dan dialah yang Maha Bijaksana lagi Maha Mendalam pengetahuan-Nya.

Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, juga ke atas keluarga dan para sahabat baginda, seterusnya ke atas sekalian para tablin dan para ulama.

Kata orang, ungkapan kata merupakan paparan minda dan bayangan jiwa seseorang. Buku ini menggarap idea dan agenda Islam yang dikandung melalui kompilasi ucapan dan perutusan YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak dalam acara dan majlis yang pelbagai bermula tahun 2009 sehingga bulan Jun tahun 2012. Inti bicaranya dikekalkan, manakala persembahannya disesuaikan sewajarnya sebagai sebuah wacana yang dibukukan.

Sesungguhnya Malaysia merupakan negara yang amat istimewa. Perlembagaan Persekutuan yang merupakan undang-undang tertinggi negara ini telah memartabat Islam sebagai agama negara. Buku ini merupakan satu fikrah murni beliau dalam membumikan agenda Islam yang terasnya disumberkan daripada Fasal 1 Perkara Perlembagaan Persekutuan yang jelas menyatakan: "Islam adalah

agama Persekutuan". Justeru, beliau telah melakarkan **Niat** yang tulus, **Amanah** yang tinggi, **Jujur** hatinya, **Ikhlas** tindakannya dan

Bersih tingkahlakunya (**N.A.J.I.B**). Segala agenda yang tersirat dan tersurat dalam setiap ucapan dan perutusan beliau ini menjadi salah satu pemangkin kejayaan Program-program Transformasi Negara.

Agenda-agenda penting seperti transformasi peranan ulama dan umara, perpaduan dan keharmonian, pemeraksanaan Institusi Kehakiman Syariah, peranan guru-guru Kafa dan Takmir, melahirkan generasi Qurani, konsep Ummah dan cabaran media baru,

merupakan ramuan utama dalam membentuk agenda ummah di negara ini. Menyelami peri pentingnya agenda Islam ini, maka buku **“Agenda Islam Dalam Transformasi Negara”** ini merakamkan mutiara minda beliau sendiri untuk dihadami serta dijadikan panduan kehidupan. Uniknyanya buku ini kerana diselitkan juga gambar-gambar menarik dan keratan-keratan akhbar berkaitan inti pati setiap ucapan dan perutusan beliau.

Kata saya, selaku insan kerdil yang diberi amanah untuk mendraf isi ucapan dan perutusan YAB Perdana Menteri. Di samping untuk memurnikan hasrat suci beliau dalam membangunkan agenda Islam dalam negara, makanya digarapkan butir mutiara dan permata ini daripada lubuk hati dan sanubari beliau sendiri sebagai pengukirnya.

Garapan minda ini boleh dijadikan khazanah ilmu bermanfaat sehingga mampu menatijahkan rahmat transformasi berganda kepada kemajuan dan kesejahteraan Ummah di Malaysia. Ibarat nikmat yang disyukuri, maka saya menghidangkan buku ini agar dapat dikongsi bersama pembaca semua.

Terimalah secebis usaha daripada **Sekretariat Ulama~Umara (UMUM)** buat tatapan semua, kerana saya menyakini firman Allah dalam surah Hud ayat 88 :

إِنْ أُرِيدُ إِلَّا الْإِصْلَاحَ مَا اسْتَطَعْتُ وَمَا تَوْفِيقِي إِلَّا بِاللَّهِ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ وَإِلَيْهِ أُنِيبُ.

Maksudnya:

“Aku hanya bertujuan hendak memperbaiki sedaya upayaku dan tiadalah aku akan beroleh taufik untuk menjayakannya melainkan dengan pertolongan Allah. Kepada Allah jualah aku berserah diri dan kepadaNya lah aku kembali”

Salam 1Malaysia 1Ummah

DATO' HAJI JAILANI BIN NGAH

Pengerusi Sekretariat Ulama~Umara (UMUM)

Merangkap

Setiausaha Politik kepada YAB Perdana Menteri



PRAKATA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Alhamdulillah, setinggi-tinggi pujian hanya kepada Allah, Rabb bagi sekalian alam. Selawat dan salam penuh ingatan dan cinta buat baginda Rasulullah SAW, ahli keluarga dan seluruh sahabat baginda yang telah berjuang sepenuh jiwa bagi menegakkan Islam.

Sekalung tahniah saya ucapkan buat **Sekretariat Ulama~Umara (UMUM)** dan **Yayasan Ummah** di bawah pimpinan pengerusinya Y.Bhg. Dato' Hj. Jailani bin Ngah, yang juga merupakan Setiausaha Politik kepada YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia, di atas penerbitan sebuah kompilasi khazanah karya jiwa dan minda YAB Perdana Menteri yang menyatakan secara tulus berkenaan agenda Islam bellau.

Tiga tahun pemerintahan relatifnya tempoh yang sangat muda bagi umur sesebuah kerajaan. Namun begitu, YAB Perdana Menteri telah berjaya menterjemahkan agenda Islam ini ke dalam satu proses transformasi yang harmoni, cerdas dan berhikmah. "Berat mata memandang, berat lagi bahu yang memikul.", demikian kata orang tua-tua. Memimpin sebuah negara tidak semudah menulis sebuah buku atau melontar idea di sebuah forum akademik. Terlalu banyak onak-duri serta jerat-ranjau yang terpaksa ditempuh.

Membaca buku "**Agenda Islam Dalam Transformasi Negara**" ini, kita perlu sedar, agenda Islam yang diperkatakan di sini bukanlah hanya susunan kata-kata retorik seorang pemimpin dan ungkapan kontang seorang politikus. Malah semua yang tertinta di sini ialah himpunan agenda yang telah diterjemahkan secara nyata dan menyentuh secara langsung denyut nadi dan hidup rakyat oleh seorang pemimpin yang benar-benar ikhlas memperjuangkan agama.



Semua ini mengingatkan saya kepada firman Allah SWT di dalam surah asy-Syura ayat 13:

* شَرَعَ لَكُمْ مِنَ الدِّينِ مَا وَصَّىٰ بِهِ نُوحًا وَالَّذِي أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ وَمَا وَصَّيْنَا بِهِ إِبْرَاهِيمَ
وَمُوسَىٰ وَعِيسَىٰ أَنْ أَقِيمُوا الدِّينَ وَلَا تَتَفَرَّقُوا فِيهِ

Maksudnya:

"Dia telah mensyariatkan kamu tentang agama, apa yang telah diwasiatkan-Nya kepada Nuh dan apa yang telah Kami wahyukan kepada mu dan apa yang telah Kami wasiatkan kepada Ibrahim, Musa dan Isa iaitu: Tegakkanlah agama dan janganlah kamu berpecah belah tentangnya..."

Semoga kita semua dapat berpegang teguh dengan wasiat berkenaan agenda Islam yang telah diperingatkan oleh Allah SWT ini.

YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B)
Menteri Di Jabatan Perdana Menteri



PENDAHULUAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Segala pujian syukur bagi Allah Subhanahu Wata'ala yang memiliki dan menguasai segala yang ada di langit dan di bumi dan bagi-Nya jua segala puji di akhirat dan Dia-lah Yang Maha Bijaksana lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya.

Selawat dan sejahtera ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW semulia-mulia kejadian, ke atas keluarga dan para sahabat Baginda, seterusnya ke atas sekalian para tabiin dan para ulama yang berperanan sebagai penyambung warisan yang menerangi kejahilan. Semoga memperoleh balasan syurga daripada Allah SWT.

Benarlah firman Allah SWT dalam surah al-Qasas, ayat 77:

وَأَتَّبِعْ فِي مَآءِئِكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ ط وَلَا تَنْسَ نَصِيكَ مِنْ الدُّنْيَا ط وَأَحْسِنْ
كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ ط وَلَا تَتَّبِعِ الْفَسَادَ فِي الْأَرْضِ ط إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ .

Maksudnya:

"Dan carilah pada apa yang telah dianugerahkan Allah kepada mu yakni kebahagiaan negeri akhirat, dan janganlah kamu melupakan kebahagiaan mu dari kenikmatan dunlawi dan berbuat baiklah kepada orang lain sebagaimana Allah telah berbuat baik kepada mu, dan janganlah kamu berbuat kerosakan di muka bumi."

Sememangnya tempoh tiga tahun begitu pantas melakarkan ceriteranya. Bermula kerajaan yang dipimpin oleh saya ini, yang merintis perjalanannya berteraskan transformasi dalam sistem pentadbiran negara. Dari saat itu juga, saya meneruskan pemerkasaan agenda Islam di dalam pentadbiran kerajaan. Sejak